

Penularan COVID-19

(21 Mei 2021) Berita Harian, p. 3

# Jangkitan wabak makin kritikal

6,806 kes positif baharu dengan 59 kematian, tertinggi sejak pandemik menular

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Wabak COVID-19 di Malaysia semakin kritikal apabila mencatatkan jumlah kes baharu dan kematian tertinggi sejak pandemik berkenaan melanda negara pada Februari tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu semalam menghampiri 7,000 iaitu sebanyak 6,806 kes, manakala bagi jumlah kematian pula 59 kes.

Katanya, pertambahan kes itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini masing-masing meningkat ke 492,302 kes serta 2,099 kes kematian.

"Kes kematian hari ini (semalam) membabitkan 58 warganegara Malaysia serta seorang warga asing.

"Bagi kes baharu memperlihatkan 6,804 kes tempatan dan hanya dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Selangor kekal mencatatkan pertambahan kes harian tertinggi dengan 2,277 kes, diikuti Kuala Lumpur (655), Johor (615) dan Sarawak (608).



Petugas kesihatan dari klinik SELCARE menjalankan saringan pada Program Saringan COVID-19 Percuma Selangor di Dewan MPS Batu 17, Rawang, semalam.  
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

"Selain itu, Putrajaya menunjukkan peningkatan hampir empat kali ganda, iaitu terdapat 35 kes baharu hari ini (semalam), berbanding semalam (kelmarin) hanya sembilan kes," katanya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bagi kes kematian semalam, 14 kes dilaporkan di Johor, Selangor (10), Kuala Lumpur (8), Kelantan (6), masing-masing empat kes di Negeri Sembilan dan Melaka serta tiga kes masing-masing di Kedah, Perak, dan Terengganu.

"Dua kes pula dikesan di Sarawak serta satu kes masing-masing di Sabah serta Pulau Pinang membabitkan pesakit berusia antara 37 hingga 91 tahun dan mempunyai pelbagai penyakit kronik," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 50,171 kes iaitu 587 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 330 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat 24 kluster baharu yang dikesan semalam, iaitu kluster di tempat kerja terus mencatatkan pertambahan tertinggi dengan sembilan kluster baharu, diikuti dalam kalangan komuniti (tujuh), keagamaan

(enam) serta masing-masing satu kluster membabitkan kumpulan berisiko tinggi dan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.

Katanya, kluster di tempat kerja membabitkan Kluster Jalan Bunga Azalea di Hulu Selangor; Kluster Jalan Makasar (Kluang); Kluster Teknologi Juru (Seberang Perai Tengah) dan Kluster Jalan Kampung Juru (Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan).

"Turut dikesan ialah Kluster Lorong Karamunsing (Kota Kinabalu, Putatan, Penampang dan

Tuaran); Kluster Jalan Tun Fuad (Kota Kinabalu, Putatan, Penampang) serta Kluster Jalan Pengalat Lok Kawi (Papar dan Kota Kinabalu).

"Dua lagi kluster membabitkan tempat kerja ialah Kluster Jalan Dato Dol Said (Alor Gajah dan Jasin) serta Kluster Bukit Tempayan di Melaka Tengah," katanya.

Bagi kluster keagamaan, dua dikesan di Klang iaitu Kluster Jalan Iskandar dan Kluster Taman Sri Muda; Kluster Jalan Perwira Lapan (Johor Bahru) dan Kluster Taman Maju Jaya (Batu Pahat).

"Selain itu ialah Kluster Dah Berapit (Kuala Muda dan Kulim) serta Kluster Jalan Kretam Silimpom (Kalabakan).

"Kluster komuniti pula dinamakan Kluster Kenyalang Park (Kuching dan Samarahan); Kluster Kampung Tebakang (Serian); Kluster Dah Insun (Pendang dan Kuala Muda) serta Kluster Padang Lalang Dua di Seberang Perai Tengah.

"Tiga lagi kluster komuniti ialah Kluster Batu Lapan Bukit Rambai (Melaka Tengah dan Jasin); Kluster Jalan Dara (Maran) serta Kluster Sri Tanjung (Bentong)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dua kluster terakhir masing-masing ialah Kluster Tok Dor di beberapa daerah di Terengganu iaitu Setiu, Kuala Nerus dan Besut membabitkan kumpulan berisiko tinggi serta Kluster Kandise di Bachok, Kelantan iaitu institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan.



Dr Noor Hisham